

ASLI memang wajar mohon maaf

PUTRAJAYA 11 Okt. - Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan keputusan institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) memohon maaf dan menarik balik laporannya yang tidak tepat mengenai penguasaan bumiputera dalam ekonomi negara itu sebagai langkah yang wajar.

Beliau yang sebelum ini menganggap laporan itu sebagai 'sampah' berkata, keputusan tersebut setidak-tidaknya akan mengelakkan laporan berkenaan menjadi satu polemik yang akan memberi masalah kepada negara.

Katanya lagi, ia juga tidak akan mewujudkan satu tafsiran lain mengenai penguasaan bumiputera dalam ekonomi selain yang diguna pakai oleh kerajaan.

"Walaupun permohonan maaf itu agak terlambat tetapi ia lebih baik kerana pihak ASLI sendiri mengakui kesilapan terhadap kaedah yang digunakan bagi menilai penguasaan

bumiputera dalam ekonomi negara.

"Lagipun, keputusan itu juga menunjukkan mereka selari dengan pendirian yang diputuskan oleh Jemaah Menteri sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama Pengurusan Dana Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia antara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Bank Pertanian Malaysia di sini, hari ini.

KBS diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Muhammad Batri manakala Bank Pertanian Malaysia diwakili Pengurus Besarnya, Zainol Kamar Mohd. Zain. Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said.

Hari ini ASLI memohon maaf ke atas laporannya yang dianggap salah dan tidak tepat kerana mendakwa bumiputera telah menguasai 45 peratus ekonomi negara.

Sehubungan itu, ASLI bertindak menarik balik laporan hasil kajian mengenai perkara tersebut.

Presidennya, Mirzan Mahathir berkata, kajian bertajuk Ekuiti Korporat Bumiputera yang dihasilkan oleh Pusat Pengajian Polisi Awamnya itu, menggunakan andaian yang salah yang akhirnya menghasilkan kesimpulan yang tidak tepat.

Sehubungan itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, pihak ASLI perlu lebih sensitif apabila membuat sebarang kajian terhadap isu-isu yang sedemikian pada masa depan.

Malah, beliau menambah, mereka tidak boleh mengambil jalan mudah walaupun kajian itu dijalankan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh mereka sendiri.

"Mereka perlu sensitif pada masa depan kerana kajian yang dibuat oleh badan seperti ASLI akan menjadi bahan rujukan oleh pihak lain, termasuk dari luar negara," katanya.